

14 JUL 1998

Mahathir-HUKM

TIBA MASA HOSPITAL UKM BUKTI KEMAMPUAN, KATA DR MAHATHIR (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sudah tiba masanya Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) membuktikan kebolehan di arena perubatan antarabangsa disamping memberi perkhidmatan berkualiti tanpa membebankan pesakit dengan kos yang tinggi.

Perdana Menteri berkata dalam era globalisasi, tidak ada sebabnya HUKM tidak boleh menjadi pelopor dunia dalam membangunkan teknologi baru dan mendalami misteri penyakit melalui penyelidikan asas, klinikal dan epidemiologikal.

"Adalah menjadi harapan kita pesakit dari seluruh dunia datang ke HUKM untuk rawatan tertentu yang mungkin menjadi 'speciality' HUKM," katanya ketika merasmikan hospital berharga RM400 juta itu di sini.

Hospital UKM yang mula beroperasi 1 Julai tahun lepas adalah hospital pengajar ketiga di negara ini selepas Hospital Universiti (Malaya) dan Hospital Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian yang dikendalikan pakar-pakar perubatan yang juga menjadi pensyarah dan profesor.

Dr Mahathir berkata HUKM mampu bersaing daripada segi jenis perkhidmatan dan pilihan yang diberi dengan berlandaskan kualiti dan nilai ditambah, mudah diperolehi, tanpa banyak remeh-temeh dan birokrasi, dan kos rendah yang mampu dibayar rakyat biasa.

Dr Mahathir berkata keputusan kerajaan meluluskan pembinaan hospital pengajar bagi UKM adalah wajar kerana kemudahan untuk pengajaran dan penyelidikan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) kurang memuaskan memandangkan ia menumpu kepada perkhidmatan dan rawatan pesakit.

"Di samping itu kerajaan ingin melihat pertumbuhan pusat-pusat jagaan perubatan dan kesihatan yang cemerlang dan terkemuka yang dapat berkembang dalam suasana akademik dan bestari," katanya.

Sebelum pembinaan HUKM, UKM berkongsi kemudahan dengan HKL sejak 26 tahun lepas untuk menyediakan pengamal dan pakar perubatan, katanya.

Perdana Menteri juga meluangkan masa melawat beberapa pusat perkhidmatan HUKM yang dibina di kawasan seluas 23 hektar sumbangan Kementerian Kesihatan.

Beliau juga melawat Jabatan Surgeri dan menyaksikan pembedahan laparoskopik yang dilakukan Prof Madya Dr Jasmi Ali. (Laparoskopik ialah proses menebuk lubang kecil berukuran antara 2mm hingga 10mm di bahagian perut untuk membolehkan teleskop khas akan dimasukkan oleh doktor bedah untuk mengesan penyakit).

Terdahulu, Naib Canselor UKM Prof Datuk Dr Anuar Ali dalam ucapannya berkata HUKM bercadang memindahkan tiga fakulti -- Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu -- di kampus Jalan Raja Muda di sini ke hospital itu di bawah satu Pusat Akademik Perubatan dan Kesihatan.

Fakulti Perubatan UKM sehingga kini mengeluarkan lebih 2,500 doktor am dan 703 orang doktor pakar, katanya.

Pada sidang berita kemudiannya, Dr Mahathir berkata hospital kerajaan mesti menggunakan ubat-ubatan yang dihasilkan di dalam negara dan bukannya ubat-ubat yang berjenama.

Katanya kebanyakan ubat-ubatan yang digunakan sekarang dihasilkan dalam negara dan kerajaan juga menggalakkan sektor swasta tempatan melibatkan diri dalam pengeluaran ubat.

--BERNAMA

MAM RAZ WAT